

31/08/2002

Umno minta daftar pemilih dikaji semula

KUALA LUMPUR, Jumaat - Umno meminta supaya senarai daftar pemilih bagi semua kawasan pilihan raya di seluruh negara dikaji semula supaya bersih daripada pengundi hantu.

Ini berikutan semakan Umno terhadap senarai daftar pengundi pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Anak Bukit dan Parlimen Pendang di Kedah, Julai lalu, dan mendapati Pas telah menggunakan pengundi hantu untuk mendapat kemenangan di Anak Bukit.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, semakan di empat peti undi pada pilihan raya kecil DUN Anak Bukit mendapati ada lebih 500 pengundi hantu iaitu mereka yang bukan dilahir dan bekerja di kawasan itu.

"Tetapi mereka ini menjadi pengundi dengan alamatnya cuma kampung, tak ada alamat rumah. Mereka itulah sebenarnya pengundi hantu. Sebab itu Pas takut sangat Umno buat macam dia orang buat.

"Kita berasa tak puas hati. Di kawasan Parlimen Pendang, kita dapati terdapat 1,359 nama pemilih dikeluarkan daripada senarai sah pemilih menjelang pilihan raya kecil di situ.

"Sepatutnya kita menang di Anak Bukit dan kita menang dengan lebih lagi di Pendang. Tetapi oleh kerana 1,359 pengundi kita telah dikeluarkan, dengan itu majoriti kita menang cuma lebih 200 undi," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno selama hampir tiga jam di ibu pejabatnya di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, Umno mahu penjelasan lanjut terutama daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengenai sebab wujud dua senarai berlainan dalam daftar pemilih yang sama di Pendang dan Anak Bukit.

Malah, Umno juga meminta supaya tindakan memindah pengundi dari kawasan tertentu yang dikatakan dilakukan oleh parti pembangkang disiasat supaya amalan tidak sihat itu dihentikan kerana ia tidak mencerminkan keadaan sebenar kependudukan dalam kawasan pilihan raya.

Beliau berkata, pihaknya tidak tahu berapa banyak jumlah pengundi hantu dalam senarai daftar pemilih di seluruh negara dan semua ini perlu disemak semula kerana terbukti ada juga nama pengundi dari Sarawak dan Sabah dipindah ke sini termasuk di Anak Bukit.

Perdana Menteri berkata, Umno juga hairan bagaimana beberapa penyokongnya tidak dapat mengundi kerana nama mereka tidak tersenarai sebagai pengundi.

"Mereka gunakan dua cara...satu dengan cara memindahkan pengundi daripada kawasan yang tidak boleh menang ke kawasan lain supaya jumlah penyokong mereka menjadi lebih daripada separuh.

"Satu lagi adalah dengan cara mereka keluarkan nama orang yang tidak mengundi Pas daripada senarai pengundi di kawasan-kawasan terbabit. Kita tak buat rancangan macam itu, tetapi Pas nampak dalam beberapa tahun ini, memindah pengundi mereka dari kawasan mereka yang tidak mempunyai harapan untuk menang.

"Dengan cara ini, mereka yakin mereka boleh menang kerana jumlah orang mereka sudah meningkat sehingga lebih daripada separuh jumlah pengundi. Ini dibuat sepanjang masa," katanya.

Dr Mahathir berkata, yang anehnya juga ialah mereka yang mempunyai nama dalam senarai pengundi yang diberi kepada Umno tetapi apabila tiba di kawasan mengundi, mereka diberitahu nama mereka tidak ada dalam senarai pengundi.

"Kononnya ini adalah senarai yang terkini, yang dibersihkan. Kononnya

ada yang mati, ada yang pindah. Dengan itu senarai terkini ini tidak mempunyai nama orang ini," katanya ini berlaku ketika pilihan raya kecil Pendang.

"Bila hari nak mengundi itu, kita masih lagi diberi oleh SPR senarai. Dalam senarai itu ada nama orang ini tetapi bila masuk dalam (untuk membuang undi), pegawai di situ memberitahu bahawa nama mereka tidak ada dalam senarai.

"Ini bukan kali pertama ia berlaku. Pada 1999 di kawasan Datuk Seri Rafidah (Aziz) juga berlaku keadaan wujudnya dua senarai. Senarai yang diberi kepada Umno mempunyai nama orang berkenaan tetapi bila masuk dalam, diberitahu bahawa senarai itu tak boleh guna, dah lama," katanya.

Dr Mahathir melahirkan rasa kluatir kerana sekarang ini pendaftaran pemilih sudah boleh dilakukan sepanjang tahun (sejak 16 Julai lalu).

"Oleh itu, kita berpendapat bahawa senarai pengundi ini perlu disemak semula kerana nampak jelas bahawa senarai undi yang sedia ada ini, tidak mencerminkan keadaan sebenar dalam kawasan pilihan raya.

"Sebaliknya, sudah pun diputar supaya ramai daripada pengundi datang dari tempat lain mengundi untuk memberi kemenangan kepada parti Pas. Saya tahu dengan jelas bahawa ini dilakukan oleh Pas kerana kita tahu juga bahawa mereka memberi arahan kepada pekerja mereka untuk memindah pengundi ke kawasan sasaran," katanya.